

# TEKANAN dorong remaja liar



Gambar hiasan

**H**AMPIR saban hari kita dikejutkan dengan paparan berita jenayah yang melibatkan golongan pelajar dan remaja. Ini menggambarkan betapa seriusnya kejadian jenayah yang melibatkan golongan ini. Lebih membimbangkan apabila mereka berani untuk merogol dan membunuh.

Prof. Madya Dr. Mohamed Fadzil Che Din, Pengarah Institut Sosial Malaysia, berkata, sebarang perlakuan remaja sama ada baik atau buruk banyak dipengaruhi oleh beberapa faktor atau dorongan yang membentuk pemikiran dan emosi golongan remaja, sama ada remaja tua, pertengahan dan muda, mereka tiada kemahiran menguruskan emosi.

"Dalam peringkat perkembangan remaja untuk menjadi dewasa, mereka seharusnya belajar dari tingkah laku yang betul. Tetapi golongan ini belajar dari tingkah laku tidak betul sama ada dalam dunia realiti atau maya.

"Umpamanya pengalaman pahit, duka dan tragis yang dilalui oleh remaja itu sendiri yang akan mempengaruhi pemikiran dan tindakan agresif

remaja tersebut," jelas Dr. Mohamed Fadzil.

Tambahnya lagi, "Remaja yang kerap dipukul, didera, dihamburkan kata cacian dan hinaan, menyebabkan mereka terguris hati. Lalu timbul perasaan menyampah dan meluat. Seterusnya rasa benci dan sakit hati. Yang lebih teruk, perasaan dendam. Akhirnya remaja ini akan bertindak di luar dugaan seperti mencederakan dan hingga membawa perlakuan membunuh."

Dr. Mohamed Fadzil menyifatkan, kemerosotan asuhan keluarga antara penyebab terjadinya perkara ini.

Selain itu faktor pendorong yang menjadi punca penglibatan jenayah di kalangan remaja ialah faktor persekitaran, pengaruh rakan sebaya serta media.

"Bagi yang ada ilmu dan kemahiran dalam menguruskan emosi akan belajar untuk menerima hakikat, di samping cuba untuk memperbaiki keadaan tersebut.

"Namun bagi yang tidak mempunyai ilmu atau kemahiran menguruskan emosi akan bertindak merajuk diri, umpamanya lari dari rumah, ponteng sekolah, lepak bersama rakan-rakan bermasalah dan mula berjinak dengan rokok. Paling teruk, mereka mula berjinak-jinak dengan alkohol dan terjebak dengan dadah," katanya.

Tambahnya lagi, "Peringkat yang lebih teruk, apabila berlaku pemusnahan diri, sama ada merosakkan diri sendiri dengan membunuh diri atau merosakkan orang lain iaitu memaki, mencarut, memukul dan membunuh."

Dr. Mohamed Fadzil turut melihat, pemimpin komuniti juga perlu menunjukkan ikutan yang baik terhadap masyarakat dan golongan remaja.

## JANGAN SALAHKAN ORANG LAIN

Sementara itu, Pengerusi Majlis Belia Wilayah Persekutuan, Ida Harlina, berkata, dalam membincangkan isu

remaja, ia akan dikaitkan dengan isu pendidikan. Katanya, pendidikan bukannya setakat di sekolah rendah dan menengah atau Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun swasta. Sebaliknya skopnya luas termasuklah pendidikan agama, kenegaraan, jati diri dan kepimpinan. Dan pendidikan seumpama inilah yang difokuskan

oleh persatuan belia. Tanpanya, akan tempanglah remaja tersebut. Sekali gus menjadi punca runtuhnya institusi keluarga dan negara.

Menurut Ida Harlina, pendidikan agama adalah benteng remaja daripada



Dr. Mohamed Fadzil

melakukan kesalahan. Bahkan dengan ilmu agama, mereka mampu mengawal emosi serta pemikiran.

## PESTA FORMULA CEGAH JENAYAH

Menurut Ida Harlina, Majlis Belia Wilayah Persekutuan merangka lima garis panduan pelaksanaan aktiviti dalam usaha ke arah pembangunan belia dan remaja. Dalam singkatannya PESTA.

Menghuraikan maksud PESTA, Ida Harlina menjelaskan, P bermaksud, politik atau pendidikan. Manakala E, ekonomi. Persatuan belia turut memberi fokus pada aktiviti pembangunan ekonomi bagi tujuan mengurangkan kadar jenayah.

"Dalam program ini kami berjaya mendapatkan dana dari kerajaan yang disalurkan melalui beberapa agensi seperti Giat Mara dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dana tersebut akan disalurkan kepada syarikat syarikat terbabit sebagai bayaran gaji untuk remaja yang diambil bekerja oleh syarikat tersebut," katanya.

Sementara S merujuk pada sosial. Pelbagai program diatur termasuk perkhemahan, sukan, seni budaya dan program-program yang menyeronokkan.

Manakala T ialah teknologi. Jelas Ida Harlina, melalui pendekatan teknologi, Majlis Belia berusaha merapatkan jurang digital di kalangan belia luar bandar dan bandar. Malah melalui program ini, penguasaan bahasa Inggeris di kalangan remaja turut dapat ditingkatkan. Dan A ialah agama.

Mengulas mengenai perlakuan remaja yang bertindak liar dan ganas, Ida Harlina melihatnya tiada tiga persepsi iaitu remaja miskin, remaja sederhana atau pertengahan dan remaja kaya.

Katanya, bagi remaja miskin, desakan hidup akibat tiada wang untuk membeli barangan keperluan harian dan sekolah menyebabkan mereka terpaksa mencuri untuk memenuhi keperluan.

Sementara bagi remaja sederhana atau pertengahan, golongan ini seka-

dar ikut-ikutan. Lama-kelamaan menjadi tabiat dan menyeronokkan. Dan bagi remaja kaya, mereka beranggapan perlakuan ini sebagai suatu cabaran. Segala yang dilakukan sekadar mencabar diri mereka untuk menjadi berani dan mencari pengaruh.



Mohd. Asri Mohamad



Ida Harlina

## BERI MEREKA PELUANG KEDUA

Dalam pada itu Mohd. Asri Mohamad, Pembantu Guru Agama Islam,

“

**Remaja yang terlibat dalam kesalahan membunuh, mereka dibahagikan kepada tiga kategori iaitu betul-betul berniat membunuh, terdorong untuk membunuh dan mereka yang terlibat dengan jenayah**

”

Jabatan Penjara Kajang menjelaskan, kebanyakan remaja yang terlibat dengan jenayah terdiri daripada mereka yang kurang didikan dan asuhan agama. Disebabkan itu mereka tiada benteng dalam diri mencegah perkara tidak baik sehingga melakukan kesalahan jenayah.

Katanya, mereka yang dimasukkan ke sini akan menjalani proses pemulihan, sahsiah dan jati diri. Dan yang paling penting, memulihkan iman dan akidah mereka.

"Pihak penjara banyak menjalankan program berbentuk pengisian kerohanian. Bagi yang beragama

Islam, mereka didedahkan dengan pengetahuan ilmu agama. Program yang disusun lebih kepada mendekatkan diri pada Allah, takutkan Allah dan azab di akhirat, memperbanyakkan amalan zikir dan muhasabah serta mendidik mereka supaya tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain.

"Dalam tempoh dua bulan ditahan, mereka diwajibkan untuk menghadiri kelas halakah yang dikendalikan oleh pegawai agama dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Antara pengisian kelas tersebut ialah penyucian diri, fardu ain, solat berjemaah, tafsir al-Quran dan sebagainya," ujarnya.

Sementara itu, bagi remaja yang terlibat dalam kesalahan membunuh, mereka dibahagikan kepada tiga kategori iaitu betul-betul berniat membunuh, terdorong untuk membunuh dan mereka yang terlibat dengan jenayah.

"Bagi kategori pertama, mereka tidak boleh mengawal fikiran, benteng diri rapuh. Kehendak membunuh tinggi dan terlalu berdeda. Kategori kedua, lebih kepada tanpa niat tetapi ada satu bentuk dorongan yang menyebabkan mereka membunuh. Mereka yang jenis ini mudah menyesal dan bertaubat.

"Manakala kategori ketiga, terlibat secara langsung dengan jenayah. Mereka pula agak susah dan memerlukan masa yang lama untuk dibimbing kerana mereka susah untuk menyedai salah laku dan perbuatan mereka," ujarnya. **A**